



**POLAR KEDATANGAN PELAWAT DAN
PERKEMBANGAN TAMAN PERTANIAN MALAYSIA,
SELANGOR, MALAYSIA**

ABDULLAH BAKRI BIN BUSU

FRSB 2007 5

**POLAR KEDATANGAN PELAWAT DAN
PERKEMBANGAN TAMAN PERTANIAN MALAYSIA,
SELANGOR, MALAYSIA**

ABDULLAH BAKRI BIN BUSU

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2007



**POLAR KEDATANGAN PELAWAT DAN PERKEMBANGAN
TAMAN PERTANIAN MALAYSIA, SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

ABDULLAH BAKRI BIN BUSU

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan
Untuk Ijazah Master Sains**

Julai 2007



DEDIKASI

Kuabadikan tinta emas untuk semua:-

Arwah Ayah dan Ibuku,
dalam zikir suci bibirku sepanjang waktu...
agar dingin sejuk persemadianmu
ditemani doa kudusku.
pengorbanan kalian tiada hujungnya
kasihmu ... sepanjang zaman
tidak terlunas olehku
walau dibalut intan seluruh lautan.

Isteriku,
Kalimah mawaddah wa rahmah untukmu
pengorbanan dan jasamu saban waktu
terakam indah dalam syurga hatiku.
Sayu dan pilu bila dihitung satu-satu
kuabadikan cinta luhur kasihmu-kasihku
sepanjang hayatku.

Putera-puteriku,
Nur Shuhada, Amirul Afiq, Nur Atirah,
Muhammad Irfan, Siti Munirah, Siti Humairah ...
kalian pewarisku
kalian penyeri pengubat pilu
ikutlah jejak langkah ayah
walau sejuta payah
Insya Allah, berkat ada disisi Allah.

Ahli keluargaku,
Kuabadikan tinta kasih jutaan ingatan
tidak terlerai dimamah zaman.

Sahabat-sahabat istimewaku,
Kalian tempat mendamba pertolongan
Budi kalian terpahat kukuh
Jasa dan bakti tersemat rapi
Akan dikenang selagi hayatku ada.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**POLAR KEDATANGAN PELAWAT DAN PERKEMBANGAN
TAMAN PERTANIAN MALAYSIA, SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

ABDULLAH BAKRI BIN BUSU

JULAI 2007

Pengerusi : Nordin bin Abdul Rahman, PhD

Fakulti : Rekabentuk dan Senibina

Taman Pertanian Malaysia Bukit Cahaya Seri Alam, Shah Alam (TPM) telah menerima jumlah kedatangan pelawat yang tidak tetap semenjak ia ditubuhkan (1986) sehingga sekarang (2006). TPM telah dipilih sebagai lokasi kajian kes kualitatif dalam penyelidikan ini kerana ia adalah sebuah taman pertanian unik yang berkonsepkan perhutanan tani dan disokong dengan pendekatan pelancongan tani. Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini ialah kajian kes kualitatif yang melibatkan metode-metode temu bual mendalam, analisis dokumen dan pemerhatian. Temu bual mendalam telah dilakukan terhadap lima responden yang telah memenuhi kriteria-kriteria tertentu dipilih secara persampelan bertujuan, '*snowball selection method*' dan variasi maksimum. Jangkamasa kajian yang diperlukan adalah selama lapan bulan iaitu dari bulan Disember 2005 hingga Julai 2006. Objektif kajian ini ialah pertama, menganalisis isu kedatangan pelawat yang

selama ini dilihat sebagai indikator kepada kejayaan TPM dan kedua, mengkaji dan menganalisis secara kritis kronologi peristiwa dan perkembangan TPM sejak penubuhannya. Melalui dapatan kajian, terdapat empat fasa atau tahap sambutan telah dikenalpasti berdasarkan jumlah kedatangan pengunjung. Namun demikian, ianya bukanlah indikator kejayaan sebenar TPM. Dapatan kajian ini seterusnya telah menemukan ‘Pelawat Sebenar’ sebagai indikator tersebut dan bukannya jumlah semasa kedatangan pengunjung ke TPM. Matlamat penubuhan TPM pula adalah sangat murni tetapi dari segi perlaksanaannya ia tidak dirancang dengan baik dan kewangannya adalah semata-mata bergantung kepada peruntukan kerajaan. Pelbagai faktor yang mempengaruhi impak perkembangan pembangunan, fungsi serta imej TPM juga turut ditemui. Kelunjuran daripada kajian ini akan menentukan kesan perkembangan dan implikasinya terhadap konsep yang dilaksanakan oleh TPM. Justeru itu, sekiranya permasalahan di TPM ini berulang lagi, impak negatif yang besar terhadap ekonomi akan berlaku akibat dari pembaziran penggunaan tenaga dan perbelanjaan ratusan juta Ringgit Malaysia. Seterusnya, memberikan imej negatif terhadap industri pelancongan yang baru berkembang di Malaysia. Oleh yang demikian, adalah wajar sekiranya kajian ini dijadikan rujukan dan panduan kepada pihak-pihak yang berkaitan.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra of Malaysia
in fulfillment to the requirement for the degree of Master of Science

**VISITORS' ATTENDANCE TREND AND DEVELOPMENT OF
MALAYSIA AGRICULTURAL PARK, SELANGOR, MALAYSIA**

By

ABDULLAH BAKRI BIN BUSU

July 2007

Chairman : Nordin bin Abdul Rahman, PhD

Faculty : Design and Architecture

Malaysia Agricultural Park Bukit Cahaya Seri Alam, Shah Alam (TPM) has an inconsistent trend of visitor attendance since it was formed (1986) until now (2006). TPM is a qualitative case study location of this research because it is the only unique agro park in Malaysia with agro-forestry concept and also supported by agro-tourism approach. The study uses the qualitative method which involves in-depth interview, document analysis and field observations. In-depth interviews were done with five respondents who had fulfilled certain requirements based on purposive sampling, snowball selection method and maximum variation. The study duration was approximately eight months which began in December 2005 until July 2006. The objectives of the study are firstly to analyze the number of visitors as an indicator for the success of the TPM. The second objective is to do critical analysis on chronological events and the issues affecting the development of

TPM. Findings of this research have identified four phases based on the visitors' attendance. Nevertheless, this is not the real indicator of TPM's success. The findings show that the "The True Visitor" is the actual indicator for the success of the TPM and it is not based on the regularity of the present visitors' attendance. The goal of TPM formation is noble. However, its implementation was not well-planned and merely relied on government funding. The research has discovered that there are several factors which influenced the impact of development, function, and image of TPM. The nature of this research will determine the effects of the development and its implication towards the concept practiced by TPM. If this phenomenon at TPM reoccurs, the negative impact on economy would increase and this would contribute to the negative image of this infantile tourism industry in Malaysia. Not only is that energy wasted but also monetary. Furthermore, this research is expected to be fit as a guideline or reference to other associations.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah (s.w.t) kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, saya telah berjaya menyempurnakan tesis yang bertajuk “Polar Kedatangan Pelawat dan Perkembangan Taman Pertanian Malaysia, Selangor, Malaysia”.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kepada semua pihak yang telah membuat saya terhutang budi dalam menyempurnakan tesis ini, terutamanya Prof. Madya Dr. Nordin bin Abdul Rahman sebagai penggerusi jawatankuasa penyeliaan, Dr. Rezuwan bin Kamaruddin dan Encik Nasir bin Baharuddin selaku ahli jawatankuasa penyelia. Pengorbanan mereka memberi sumbangan tunjuk ajar dan nasihat yang sangat berguna untuk menyiapkan tesis ini disanjung tinggi. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah Fakulti Rekabentuk dan Senibina yang telah banyak mencerahkan ilmu sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Putra Malaysia.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada perpustakawan yang membantu di Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia atas khidmat yang diberi dalam menyiapkan tesis ini. Ucapan setinggi-

tinggi terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Biasiswa, Kementerian Pelajaran Malaysia yang memberikan cuti belajar dengan biasiswa kepada saya sepanjang tempoh pengajian di Universiti Putra Malaysia.

Akhir kata, terima kasih juga saya tujukan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam memberi sokongan dan kerjasama dalam menyempurnakan tesis ini terutamanya kepada Encik Ahmad Basri bin Adenan, Encik Khusairi bin Fadzal dan Puan Nik Roh Hayati binti Abdul Rahman. Sumbangan dan sokongan anda semua dalam menyuntik semangat dan memperkasakan komitmen, akan sentiasa terukir di dalam jiwa dan minda saya hingga ke akhir hayat.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada 17 Julai 2007 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Abdullah Bakri bin Busu untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk "Polar Kedatangan Pelawat dan Perkembangan Taman Pertanian Malaysia, Selangor, Malaysia" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Suhardi bin Maulan, PhD

Pensyarah
Fakulti Rekabentuk dan Senibina
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Osman bin Mohd Tahir, PhD

Pensyarah
Fakulti Rekabentuk dan Senibina
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Yahya bin Awang, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pertanian
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Julaihi bin Wahid, PhD

Profesor Madya
Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan
Universiti Sains Malaysia,
(Pemeriksa Luar)

HASANAH MOHD GHAZALI, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia, Selangor

Tarikh: 27 September 2007

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Nordin bin Abdul Rahman, PhD

Profesor Madya

Fakulti Rekabentuk dan Senibina

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Rezuwan bin Kamaruddin, PhD

Pusat Penyelidikan Mekanisasi dan Automasi

Ibu Pejabat MARDI

Serdang, Selangor

(Ahli)

Nasir bin Baharuddin

Pensyarah

Fakulti Rekabentuk dan Senibina

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

AINI IDERIS, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah,

Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 15 November 2007

PERAKUAN

Saya mengaku tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.

ABDULLAH BAKRI BIN BUSU

Tarikh : 19 September 2006

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	ix
PERAKUAN	xi
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
GLOSARI ISTILAH	xix
 BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pelancongan di Malaysia	2
1.3 Permasalahan TPM	4
1.4 Pernyataan Masalah	8
1.5 Persoalan Kajian	9
1.5.1 Persoalan Utama Kajian	9
1.5.2 Persoalan Khusus Kajian	9
1.6 Matlamat Kajian	9
1.7 Objektif Kajian	10
1.8 Kepentingan Kajian	10
1.9 Skop, Anggapan dan Limitasi	12
1.9.1 Skop	12
1.9.2 Anggapan	12
1.9.3 Limitasi	12
1.10 Ringkasan	13
2 SOROTAN BAHAN BERTULIS	
2.1 Pengenalan	14
2.2 Kajian-kajian Lepas	14
2.2.1 Kajian Hamdann (1990)	15
2.2.2 Kajian Norizan (1991)	16
2.2.3 Kajian Zainul Rashid (1990)	16
2.2.4 Kajian Che Hasmah (1997)	17
2.2.5 Kajian Istar (1999)	18
2.2.6 Kajian Nurul Awanis (2004)	18
2.2.7 Ulasan Penyelidik Terhadap Kajian-kajian Lepas	19
2.3 Kajian-kajian Berkaitan	20

2.3.1	Taman Pertanian Malaysia Bukit Cahaya Seri Alam (TPM)	21
2.3.2	Taman Tema	26
2.3.3	Konsep Perhutanan tani (<i>Agro-forestry</i>)	28
2.3.4	Pendekatan Pelancongan Tani (<i>Agro-tourism</i>)	29
2.3.5	Perkaitan Pelancongan dan Rekreasi	31
2.3.6	Profil Pelancong atau Pelawat	32
2.3.7	Teori Hirarki Keperluan Maslow dan Kaitannya dengan Rekreasi	35
2.3.8	Tarikan Taman dan Kegiatan Pelancongan	38
2.3.9	Perkaitan Antara Tarikan Taman dan Landskap Taman	42
2.3.10	Perancangan Organisasi Sesebuah Taman	43
2.3.11	Perlaksanaan Program atau Aktiviti Taman	47
2.3.12	Kepentingan dan Populariti Sesebuah Taman	48
2.4	Ringkasan	51
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	52
3.2	Kerangka Konsep Kajian	52
3.3	Pendekatan Penyelidikan Kualitatif	54
3.4	Metodologi Penyelidikan: Kajian Kes	59
3.5	Metode-metode Kajian	62
3.5.1	Temu Bual Mendalam	63
3.5.2	Analisis Dokumen	67
3.5.3	Pemerhatian	70
3.6	Etika dan Kerahsiaan	73
3.7	Pemilihan Sampel	75
3.8	Penyelidik Sebagai Instrumen	80
3.9	Jangkamasa Kajian	81
3.10	Kaedah Pengumpulan Data	82
3.11	Pengurusan Data	86
3.12	Penganalisaan Data	87
3.13	Triangulasi	88
3.14	Kesahan dan Kebolehpercayaan Dapatan Kajian	89
3.15	Ringkasan	93
4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	95
4.2	Dapatan Kajian dan Perbincangan	95
4.2.1	Kedatangan Pelawat	95
4.2.2	Kronologi Peristiwa dan Isu	120
4.2.3	Perkembangan TPM	155
4.3	Ringkasan	172

5 RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1 Rumusan	173
5.1.1 Kedatangan Pelawat	173
5.1.2 Kronologi Peristiwa dan Isu	176
5.1.3 Perkembangan TPM	180
5.2 Cadangan	183
5.3 Penutup	186
5.3.1 Polar Jumlah Kedatangan Pelawat	186
5.3.2 Perkembangan TPM	186
5.3.3 Syor Kajian	187
RUJUKAN	189
LAMPIRAN	195
BIODATA PENULIS	233

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1 Ringkasan kajian-kajian lepas yang dilakukan di TPM	15
2 Pengubahsuaian hirarki keperluan Maslow (1968) dari idea asal Ibn Khaldun	35
3 Teori hirarki keperluan manusia (Maslow) dan perkaitannya dengan rekreasi	37
4 Tugas eksekutif terhadap bidang pengurusannya	45
5 Lima dimensi kajian kes	60
6 Metode-metode dan konteks kajian ‘Polar Kedatangan Pelawat dan Perkembangan Taman Pertanian Malaysia, Selangor, Malaysia’.	72
7 Senarai dan pengkodan responden untuk temu bual mendalam	77
8 Persampelan Variasi Maksimum (<i>Maximum Variation Sampling</i>) ‘Analisis Perkembangan TPM’	79
9 Faktor-faktor yang menentukan berlakunya empat fasa	98
10 Faktor penentu fasa-fasa kedatangan pelawat	106
11 Profil dari analisis dokumen (Sumber: Kajian-kajian lepas)	107
12 Jumlah pelawat, peruntukan, perbelanjaan dan pendapatan TPM dalam tempoh 20 tahun	109
13 ‘Pelawat Sebenar’ di TPM dalam fasa 4 (tahun 2004 dan 2005)	114
14 Peratusan ‘Pelawat Sebenar’ di TPM semenjak penubuhan (1986) sehingga tahun 2005	115
15 Analisis keperluan pelawat mengikut teori Maslow dan rujukan berkaitan dengan rekreasi di TPM terkini (2006) daripada temu bual mendalam	119

16	Agensi-agensi yang menarik diri dari terlibat secara langsung di dalam pengurusan TPM	135
17	Enam sebab agensi menarik diri	136
18	Peruntukan yang telah diterima oleh TPM di bawah peruntukan TBN	155
19	Projek dari idea Tan Seri Sanusi Junid yang tidak dilaksanakan dari tahun 1988 hingga 1991	157

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1 Kedatangan pelancong ke Malaysia dan pendapatan Negara	2
2 Model kitaran hayat destinasi Butler	19
3 Tujuan melancong pelancong antarabangsa ke Malaysia	34
4 Kerangka konsep kajian Analisis Perkembangan TPM	53
5 Perkaitan diantar peratusan ‘Pelawat Sebenar’ dan jumlah pelawat di TPM	115
6 Karikator berkaitan isu pembangunan sekitar oleh Nudin	147
7 Karikator berkaitan isu pembangunan sekitar oleh Maro	147
8 Foto-foto pemerhatian di TPM sewaktu isu pembangunan sekitar	148
9 Gerai-gerai makan sedang dibaiki - lokasi: gerai makan di persimpangan ke Kampung Idaman	154

SENARAI KATA SINGKATAN

TPM	Taman Pertanian Malaysia
TBN	Taman Botani Negara
YB	Yang Berhormat
PPPL	Pusat Pendidikan Pengembangan Lanjutan
PKNS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
MARDI	Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia
LPN	Lembaga Padi Negara
PKPS	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor

GLOSARI ISTILAH

- (a) **Tarikan TPM:** Sesuatu keistimewaan atau kelebihan yang dimiliki oleh TPM yang dapat menarik perhatian dan minat pelawat yang mengunjunginya.
- (b) **Pelancongan:** Perjalanan untuk berseronok atau bergembira termasuk juga perjalanan atas tujuan perniagaan, pekerjaan dan lawatan ke atas rakan atau saudara. (Burkat dan Medlik (1974); Mathieson dan Wall (1982); Mc Intoch (1990); World Book Dictionary (1992); Rafferty (1993)).
- (c) **Pelancong:** Seseorang atau berkumpulan yang mempunyai masa lapang dan kemampuan kewangan untuk melawat atau mengunjungi sesuatu tempat yang jauh dari tempat tinggalnya untuk mencari pengalaman.
- (d) **Arboretum:** Taman pokok kayu-kayan, buah-buahan, tumbuhan perubatan (*medicinal plants*) dan sebagainya yang terdapat di seluruh negara boleh didapati di sesuatu tempat seperti TPM.
- (e) **'Pelawat Sebenar' TPM:** pelawat TPM perseorangan ataupun berkumpulan yang sanggup membayar untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti TPM walaupun TPM mengalami pelbagai masalah dan setelah ditolak jumlah pelawat yang ditaja atau pelawat sampingan.

- (f) **Penyelidikan kualitatif:** Pendekatan penyelidikan yang berkaitan dengan bagaimana manusia berurusan dengan makna dan pengalaman mereka melalui interaksi dengan orang lain.
- (g) **Kajian kes kualitatif:** Satu kajian atau penyelidikan yang dijalankan untuk menjelaskan dan mentafsir kepentingan, boleh menghasilkan ringkasan dan pemahaman yang mendalam terhadap sesuatu fenomena kontemporari yang berlaku serta dapat mengawal kajian-kajian terdahulu melalui latar semulajadi.
- (h) **Intrinsic case study:** Bentuk kajian kes yang dilakukan secara fokus mendalam.
- (i) **Persampelan tujuan:** Mewakili atau sebagai contoh (tipikaliti) latar, individu dan aktiviti -aktiviti yang dipilih, pemilihan sampel yang sengaja dipilih bertujuan untuk meneliti kajian kes dan dapat membentuk perbandingan khusus bagi menjelaskan sebab-sebab perbezaan antara latar dan individu.
- (j) **Member check:** Merujuk kembali data dan interpretasi tantatif kepada responden bagi memastikan kemunasabahan analisis dapatan kajian.
- (k) **Triangulasi:** Penggunaan pelbagai teknik penyelidikan, sumber data atau pengumpulan data untuk mengesahkan dapatan kajian yang muncul dalam sesuatu kajian.
- (l) **Persampelan variasi maksimum:** Mencari kepelbagaian pemilihan sampel atau responden untuk mendapatkan dapatan kajian yang berbeza-beza.

- (m) **Persampelan bertujuan** (*Purposive sampling*): Pemilihan sampel yang sengaja dipilih bertujuan untuk meneliti kajian kes dan dapat membentuk perbandingan khusus bagi menjelaskan sebab-sebab perbezaan antara latar dan individu.
- (n) **Persampelan snowball selection method**: Satu kaedah untuk mendapatkan sampel atau responden baru melalui responden yang telah ditemubual.
- (o) **Audit trail atau jejak audit**: Satu keterangan atau laporan yang menyeluruh tentang kaedah, prosedur dan keputusan-keputusan yang dibuat semasa menjalankan kajian kualitatif.
- (p) **Temu bual mendalam** (*in-depth interview*): Satu kaedah mengumpul data secara terperinci yang menggunakan responden sebagai orang pertengahan di antara penyelidik dengan objek yang dikaji.
- (q) **Deskriptif**: Satu bentuk penjelasan dalam bentuk ayat seperti naratif dan tidak menggunakan nombor sebagai dapatan kajian.
- (r) **Induktif**: Perolehan data dari sedikit. Data bertambah sedikit demi sedikit dari asas sehingga data yang diperolehi ke peringkat tepu (*saturated*) iaitu ke suatu peringkat yang umum (*universal*).
- (s) **Nota lapangan** (*field note*): Catatan yang dibuat oleh penyelidik semasa pemerhatian dan temu bual mendalam yang juga dijadikan sebagai bukti kajian dan sebagai triangulation.

- (t) **Kerangka konseptual:** Konsep-konsep yang terbentuk daripada kajian-kajian terdahulu yang menjadi panduan kepada penyelidik dan menjadi asas rujukan sesuatu penyelidikan yang dijalankan.
- (u) ***Emic* dan *etic*:** Bentuk maklumat yang dilaporkan samada laporan penyelidik datangnya dari pandangan responden (*emic*) ataupun pandangan yang datang dari penyelidik sendiri (*etic*).

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Taman Pertanian Malaysia Bukit Cahaya Seri Alam, Shah Alam (TPM) merupakan sebuah taman pertanian yang pertama dan terbesar di Malaysia yang diwujudkan untuk membolehkan para pelancong atau pelawat mengetahui dan menimba pengalaman dalam bidang pertanian. TPM dapat menyalur dan mendedahkan teknologi-teknologi terkini, pengetahuan, pengalaman dan keseronokan kepada pelawat melalui taman-taman tema yang terdiri dari plot-plot demonstrasi serta program-program yang dijalankan disamping menjadi satu kawasan penyimpanan genetik tumbuh-tumbuhan.

Di awal penubuhannya, dilihat tiada permasalahan dihadapi namun selepas 10 tahun penubuhan, telah wujud pelbagai permasalahan dan jumlah pelawat ke TPM menurun. Terdapat isu-isu tertentu yang berkaitan dengan permasalahan tersebut sering terpapar di dada-dada akhbar dan sering dipersoalkan oleh orang ramai ataupun rakyat Malaysia. Justeru itu, TPM dijadikan sebagai kajian kes kualitatif dalam kajian ini, bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang sebenar terhadap perkembangan TPM semenjak penubuhannya (1986) sehingga sekarang (2006).

